



KENYATAAN MEDIA

1 JULAI 2025

TEROWONG SERENDAH 2 SEPANJANG 9.88KM BERJAYA DITEMBUSI LEBIH AWAL DARI JADUAL

Projek ECRL siap kerja-kerja pengorekan bagi 40 terowong setakat ini

Kuala Lumpur, 1 Julai: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) mencatat satu lagi pencapaian penting dengan penembusan Terowong Serendah 2 yang sepanjang 9.88 kilometer, enam bulan lebih awal daripada jadual asal.

Penembusan Terowong Serendah 2 ini menandakan selesainya kerja-kerja pengorekan bagi 40 buah terowong ECRL setakat ini. Terowong ini juga merupakan terowong kedua terpanjang yang sedang dibina di sepanjang jajaran ECRL sepanjang 665 kilometer dari Kota Bharu, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Letupan terakhir di Terowong Serendah 2 telah berjaya menembusi penghadang terakhir pada jarak kira-kira 5,159 meter dari pintu masuk terowong. Pencapaian ini adalah hasil gabungan lebih 9.78 juta jam kerja dan penggunaan Kaedah 'New Austrian Tunnelling Method' (NATM) yang melibatkan penggerudian dan letupan bagi menembusi granit lapuk (*weathered granite*).

Kerja-kerja pemasangan lapisan kekal bagi Terowong Serendah 2 telah mencapai kemajuan memberangsangkan iaitu melebihi 7,500 meter sebelum penembusan berlaku. Terowong ini mempunyai purata ketinggian 12 meter dan kelebaran 13 meter, mencukupi untuk menampung dua landasan rel tolok standard.

Kerja-kerja pengorekan bagi Terowong Serendah 2 bermula pada bulan Ogos 2022 dan pada asalnya dijadualkan siap pada Disember 2025. Semua kerja-kerja sivil untuk terowong ini dijangka siap sepenuhnya menjelang September 2026.

Pembinaan terowong ini membolehkan jajaran rel ECRL mengekalkan kecerunan maksimum sebanyak 0.9 peratus serta mengelakkan kawasan tadahan air berhampiran Empangan Batu, di samping meminimumkan penebangan terbuka di kawasan Hutan Simpan Ulu Gombak dan Hutan Simpan Serendah.

Terowong Serendah 2 yang menghubungkan Ulu Yam dan Desa Anggerik di Serendah turut melibatkan pembinaan empat (4) laluan adit sebagai laluan akses untuk tujuan kecemasan.

Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) merangkap Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, telah merasmikan Majlis Penembusan Terowong Serendah 2 hari ini. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, Pengarah Urusan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCCECRL), Deng Bo, serta pegawai-pegawai kanan Projek ECRL.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, berkata kejayaan penembusan Terowong Serendah 2 lebih awal daripada jadual mencerminkan komitmen tinggi dan semangat kerjasama kukuh dalam Projek ECRL yang melibatkan pihak pengurusan atasan, pengurus-pengurus projek, dan tenaga kerja di semua peringkat



“Pencapaian hari ini menandakan penembusan terowong ke-40 dan sekali lagi membuktikan kemahiran kejuruteraan serta teknologi pembinaan terowong yang canggih yang digunapakai dalam Projek ECRL, terutama dalam mengharungi keadaan geologi yang mencabar. Lebih 1.22 juta meter padu tanah dan batu berjaya dikeluarkan dengan selamat, serta melibatkan pergerakan tanah yang minimum dan gangguan yang ringan kepada pengguna jalan raya sepanjang tempoh pengorekan Terowong Serendah 2,” katanya.

Dato’ Sri Darwis memaklumkan bahawa Terowong Serendah 2 merupakan komponen penting bagi “jambatan darat ECRL” yang menghubungkan Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang, sekali gus menyediakan pengangkutan kargo yang lancar. MRL kekal komited untuk merealisasikan ECRL sebagai sebuah projek infrastruktur bertaraf dunia yang memacu pembangunan serantau dan meningkatkan kecekapan logistik.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor, agensi-agensi negeri dan pihak berkuasa tempatan atas kerjasama erat dan sokongan padu dalam pelaksanaan Projek ECRL. Tambah beliau, jajaran ECRL di Selangor akan mempunyai lima (5) buah stesen dan meliputi kira-kira 92 kilometer jajaran utama di negeri ini.

Pengarah Urusan CCCECRL, Deng Bo, berkata, “Penembusan ini merupakan satu langkah penting dalam kemajuan Projek ECRL, yang didorong oleh kerjasama pasukan yang kukuh serta komitmen kami terhadap kecemerlangan kejuruteraan dan keselamatan. Apa yang menjadikan pencapaian ini lebih bermakna ialah kejayaan kami merekodkan 17 juta jam Bekerja Tanpa Kemalangan (*LTI*). Pencapaian ini mencerminkan pematuhan ketat CCCECRL terhadap protokol keselamatan, latihan berterusan, dan budaya keselamatan yang telah kami terapkan di seluruh projek ini. Ia adalah hasil usaha bersama untuk melindungi kesejahteraan semua pihak yang terlibat dalam projek infrastruktur rel nasional ini.”

Sempena majlis penembusan terowong yang berlangsung hari ini, MRL turut menyampaikan sijil penghargaan kepada CCCECRL sebagai tanda pengiktirafan atas pencapaian cemerlang dalam aspek keselamatan dan kesihatan sehingga berjaya mencatatkan 17 juta jam *LTI* bagi Projek ECRL.

Projek ECRL melibatkan pembinaan sebanyak 41 terowong dengan jumlah panjang kira-kira 69 kilometer sepanjang jajaran relnya. Terowong berkembar Genting sepanjang 16.39 kilometer, yang kini berada pada fasa akhir kerja pengorekan, dijangka akan mencapai penembusan menjelang pertengahan Julai 2025.

Untuk rekod, Projek ECRL mencatat kejayaan penembusan terowong pertamanya di Terowong Paka sepanjang 1.1 kilometer di Terengganu enam bulan lebih awal daripada jadual asal, iaitu pada April 2021. Sementara itu, penembusan terowong pertama di Selangor dicapai di Terowong Sungai Buaya 2 sepanjang 469 meter pada Mei 2024.

MRL, sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)], merupakan pemilik projek dan aset ECRL, manakala China Communications Construction Company Ltd (CCCC) ialah kontraktor utama bagi kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC).



ECRL yang merangkumi jajaran 665 kilometer ini akan merentasi negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sebelum menghubungkan Selangor di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Projek ini bakal memendekkan masa perjalanan dan dijangka menghubungkan Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak dalam tempoh empat jam, berbanding sekitar tujuh jam jika menggunakan jalan raya.

-Tamat-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

MRL

Yong Min Wei

Tel: 012 386 6123

Email: mwyong@mrl.com.my

Ani Azureen Zainuddin

Tel: 013 361 5546

Email: azureen@mrl.com.my

Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah

Tel: 017 333 7775

Email: hadeeja.sofea@mrl.com.my

CCCECRL

Grace Cheng

Tel: 012 202 7822

Email: bycheng@cccecr1.com

Theresa Lam

Tel: 018 201 3830

Email: theresa.lam@sprg.com.my

Kua Mei Wen

Tel: 016 988 3557

Email: meiwen.kua@sprg.com.my